

06 AUG 1998

RENCANA-Pemindahan

DERMA ORGAN: AMAL JARIAH TERAKHIR

Oleh: HAMZAH JAMALUDDIN

KUALA LUMPUR: Seorang ibu yang dirundung kepiluan setelah anaknya diisytiharkan "mati otak" enggan membenarkan doktor memindahkan organ si mati sekalipun diberitahu anak lelakinya itu pernah berikrar organnya diderma.

Dalam satu lagi kes, seorang lelaki meninggal di wad hospital tetapi tidak seorangpun kakitangan menyedari bahawa si mati pernah berikrar mendermakan organ. Mereka juga keberatan menanya keluarganya.

Dalam kedua-dua kes, organ yang sepatutnya dapat digunakan untuk pesakit yang amat memerlukan hanya menjadi sia-sia. Dalam proses itu, amal jariah terakhir si mati, agar orang lain dapat terus hidup, gagal dipenuhi.

Jelas, kurangnya pengetahuan dan kesedaran tentang betapa bernilainya organ yang didermakan menyebabkan berlakunya banyak situasi begini.

"Sebagai doktor, apakah anda akan lakukan bila berdepan dengan keadaan begini?." Seorang peserta mengemukakan soalan ini kepada ketua surgeri kardiothorasik Institut Jantung Negara (IJN) Datuk Dr Yahya Awang di ceramah umum baru-baru ini anjuran Persatuan Perubatan dan Undang-Undang Malaysia di sini.

"Doktor biasanya tidak melakukan pemindahan kerana menghormati perasaan keluarga si mati," kata Dr Yahya. Nama beliau menonjol dengan tiba-tiba setelah pasukan perubatan yang diketuainya berjaya melakukan pemindahan jantung yang pertama di Malaysia tahun lalu.

"Sebab itulah kami sentiasa menekankan mustahaknya penderma organ membincangkan keputusannya dengan anggota keluarga. Persetujuan waris amat penting dalam menentukan kejayaan pemindahan organ," katanya kepada khalayak ceramah tersebut.

Dr Yahya berpendapat orang ramai masih punya konsepsi yang salah mengenai isu derma organ sama ada dari sudut agama atau kecekapan doktor melakukan pemindahan dan pembedahan.

Malah, beberapa pegawai perubatan kurang tahu mengenai subjek ini.

"Saya rasa kedua-dua pihak perlu dididik. Doktor mestilah sedia bertanyakan saudara maranya sementara keluarga penderma mestilah mengambil tahu sama ada si mati pernah mengikrarkan organnya," kata beliau.

Jika tidak akan berlaku masalah seperti dua kes yang dipaparkan, kata beliau.

"Tetapi keadaan banyak berubah sekarang. Semakin ramai doktor yang sedar dan mengetahui mengenai isu ini dan tidak akan teragak-agak bertanyakan keluarga seseorang yang telah "mati-otak" bila keadaan memerlukan," kata beliau.

Profesion perubatan dan orang ramai mestilah menerima konsep mati otak, yang cukup "crucial" kerana semua organ, kecuali kornea, perlu dikeluarkan kalau untuk tujuan derma, bila kematian begini berlaku.

Kematian otak ialah keadaan di mana otak berhenti berfungsi dan tidak ada pernafasan spontan dan tidak ada refleksi tetapi jantung masih berdenyut. Orang yang terlibat biasanya mati akibat kemalangan kereta, strok, terkena tembakan, bunuh diri, atau kecederaan kepala yang teruk.

Adalah menarik untuk mengetahui bahawa kebanyakan agama termasuk Islam membolehkan pemindahan dan pendermaan organ.

Di satu seminar baru-baru ini mengenai "Islam dan Pemindahan Organ" anjuran bersama Kementerian Kesihatan, Institut Kefahaman Islam Malaysia, Persatuan Doktor Islam Malaysia dan Persatuan Transplant Malaysia, terdapat pandangan sebulat suara bahawa Islam membenarkan pendermaan dan pemindahan

organ.

Fatwa yang menyatakan derma organ dibolehkan pertama kali diterima di Persidangan Islam Antarabangsa di Kuala Lumpur dalam 1970. Ini membolehkan pendermaan daripada Muslim kepada bukan Muslim dan sebaliknya.

Bagaimanapun, Islam melarang jual-beli organ.

Menurut Dr Yahya, agama lain seperti Buddha, Kristian dan Hindu juga membolehkan pendermaan organ.

Malangya, masih ramai menggunakan agama sebagai alasan utama untuk tidak menderma organ.

Mengenai kebolehan doktor bedah tempatan, Dr Yahya berkata IJN misalnya, membuat persediaan bagi pembedahan seumpama itu sejak dua tahun lalu. Pasukan surgeri telah melakukan pemindahan organ ke atas 11 biri-biri sebelum melakukan pemindahan jantung manusia pertama di negara ini pada 18 Dis tahun lalu.

Pemindahan jantung kedua pada 10 April, sementara ketiga pada 22 April tahun ini oleh sepasukan 16 anggota yang sama diketuai Dr Yahya.

Dr Yahya, pakar bedah yang melakukan pintasan koronari ke atas Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 1989, berkata pembedahan sedemikian mestilah dilakukan dengan jitu dan tepat waktu.

Jantung dari penderma mestilah didiagnos dulu agar penerima yang paling sesuai dari senarai dikenalpasti.

"Kami belum lagi menghadapi situasi bila mana jantung seorang penderma didapati sesuai untuk lebih dari seorang penerima. Jika keadaan itu berlaku, pesakit yang lebih kritikal akan mendapatnya," kata beliau.

Misalnya, penerima pertama, R. Sathrugnan, 51, dipilih daripada empat pesakit dalam senarai menunggu kerana kumpulan darah dan saiz badannya sepadan dengan penderma, seorang lelaki 20-tahun.

"Jantung penderma mestilah dipindahkan kepada penerima dalam masa lima jam selepas dikeluarkan," kata Dr Yahya, yang pernah mengetuai pasukan surgeri melakukan pembedahan yang cukup bersejarah dalam empat jam.

Katanya, pesakit mestilah juga mengambil ubat selepas pemindahan jantung dan paling penting ialah ubat yang menentukan badan tidak menolak organ baru dikenali sebagai "immunosuppressive drug"

Pemindahan organ biasanya dilakukan untuk pesakit jantung yang berumur di bawah 60 tahun dan 80 peratus daripada pesakit yang menjalani pemindahan jantung hidup sekurang-kurangnya setahun.

"Bagaimanapun, kurangnya bekalan organ merupakan penghalang utama kepada pemindahan jantung," kata beliau.

Keperluan tahunan bagi tisu dan organ di Malaysia dianggarkan pada kadar 450 hingga 500 jantung, 600 hingga 700 kornea dan ginjal dan 250-300 hati, tetapi yang menyedihkan ialah terdapat hanya lebih sedikit daripada 10,000 orang yang telah mengikrarkan organ untuk diderma setakat ini. --

BERNAMA

HJ/RS